

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) jumlah lesen pinjaman wang telah dikeluarkan kepada Syarikat atau individu di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 setakat bulan Ogos 2019; dan
- (b) memandangkan kebanyakan lesen pinjaman telah digunakan oleh “loan sharks” atau “Ah Long” sebagai “front” untuk menjalankan ceti haram, apakah tindakan wajar akan diambil terhadap pemegang lesen pinjaman wang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN (A)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak 4,226 lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) telah dikeluarkan kepada syarikat atau individu di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) di seluruh negara.

SOALAN (B)

1. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius sekiranya terdapat apa-apa kesalahan yang dibuat oleh mana-mana PPW yang diberi lesen PPW di bawah KPKT. Selaras dengan peruntukan Seksyen 9, Akta 400, KPKT sentiasa memastikan Ahli Lembaga Pengarah syarikat PPW terdiri daripada individu yang berkelayakan, bersesuaian dan beretika. Bagi tujuan pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat PPW, individu-individu tersebut dikehendaki menjalani tapisan polis supaya bebas daripada kesalahan melibatkan jenayah penipuan, ketidakjujuran atau kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Selain itu, individu-individu tersebut hendaklah disahkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia bahawa mereka tidak diisytiharkan muflis. Semakan juga dibuat bagi kesalahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613], Bank Negara Malaysia.

2. Setiap PPW adalah diingatkan untuk mematuhi Akta 400 serta peraturan-peraturan yang ditetapkan. Sekiranya didapati mana-mana PPW bertindak dan berkelakuan seperti “Ah Long” seperti mengenakan kadar faedah melebihi had yang dibenarkan, mengenakan kekerasan ataupun ugutan terhadap para peminjam dan menjalankan apa-apa

kegiatan yang melanggar peruntukan Akta 400 dan peraturan-peraturan berkaitan, maka tindakan tegas boleh diambil ke atas PPW tersebut.

3. Bagi kesalahan mengenakan kadar faedah melebihi had yang dibenarkan iaitu 12% setahun bagi pinjaman bercagar serta 18% bagi pinjaman tidak bercagar, PPW boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya sekali selaras dengan peruntukan Seksyen 17A, Akta 400. Bagi mana-mana PPW yang didapati mengugut atau menggunakan kekerasan ke atas peminjam, PPW berkenaan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM50,000.00 tetapi tidak melebihi RM250,000.00 ataupun di penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Sekiranya kesalahan tersebut merupakan kesalahan kedua atau berturutan, pesalah boleh dikenakan sebatan sebagai hukuman tambahan selaras dengan Seksyen 29B(1), Akta 400.

4. KPKT sentiasa peka dan mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah ini. Sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak 606 pemantauan telah dijalankan ke atas PPW di seluruh Malaysia. Sehingga kini, sebanyak 305 jenis aduan telah direkodkan oleh Kementerian dan daripada jenis-jenis aduan tersebut, kesalahan bagi mengenakan kadar faedah yang tinggi ke atas peminjam melibatkan sebanyak 17 kes. Manakala tiada kesalahan direkodkan bagi gangguan atau ugutan kepada peminjam di bawah Seksyen 29B(1) Akta 400.

5. Sehubungan itu, sekiranya terdapat salah laku atau penganiayaan dilakukan oleh syarikat PPW, pihak yang berkaitan dinasihatkan untuk mengemukakan aduan terus kepada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT.

Sekian, terima kasih.